

BERITA HARIAN

DALAM NEGERI, MS 2

RABU, MAC 21, 2012

SINGAPURA Sekolah digalak tubuh pusat jagaan pelajar

Halimah: Pemerintah sedia beri sokongan dengan memberi geran
Oleh Adli Yashir Kuchit adli@sph.com.sg



KEMUDAHAN BARU: Cik Fuziah (kiri) bersama Cik Halimah Yacob (bertudung) dan Pengarah Eksekutif AMP, Encik Anuar Yusop (empat dari kanan), sedang meninjau pusat jagaan pelajar di Sekolah Rendah Fuhua. -- Foto JOHARI RAHMAT

MENTERI Negara (Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan), Cik Halimah Yacob, semalam menggalakkan penubuhan lebih banyak pusat jagaan pelajar (SCC) di sekolah-sekolah setempat bagi manfaat para pelajar.

Pemerintah, menurut beliau, sedia memberikan sokongan dalam bentuk geran pembangunan bagi penubuhan pusat-pusat sedemikian.

'Dengan adanya pusat jagaan pelajar yang terletak di sekolah, para pelajar boleh menggunakan kemudahan tersebut sebaik sahaja kelas berakhir.

'Ibu bapa juga tidak perlu khawatir kerana anak-anak mereka dijaga dan dipantau dalam sekitaran yang selamat,' kata Cik Halimah.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis perasmian SCC Happy Haven di Sekolah Rendah Fuhua di Jurong East semalam.

Pusat tersebut dikendalikan AMPMercu. Ia menawarkan khidmat jagaan selepas waktu sekolah bagi murid-murid.

Di pusat tersebut, murid-murid boleh melakukan kerja rumah dan menyertai pelbagai program pengayaan.

Menurut Cik Halimah, buat masa ini terdapat 58 SCC di sekolah-sekolah - meningkat daripada 32 SCC pada 2008. 'Pemerintah mempunyai matlamat menubuhkan 70 SCC menjelang akhir 2014.

'Kami juga sedia menawarkan geran untuk membantu sekolah-sekolah menubuhkan SCC di sekolah-sekolah mereka, termasuk geran pembinaan prasarana serta geran perabot dan peralatan,' ujarnya.

Kemudahan sedemikian semakin popular di kalangan ibu bapa yang sibuk bekerja.

Menurut Pengetua Sekolah Rendah Fuhua, Cik Fuziah Taha, kemudahan itu ditubuhkan setelah sekolah tersebut mendapati adanya permintaan bagi kemudahan serupa itu.

'Saya perhatikan terdapat sebilangan murid yang sering berada di sekolah biarpun kelas sudah tamat.

'Kami dapati kebanyakan ibu bapa mereka bekerja dan mereka disuruh berada di sekolah hingga petang untuk pulang bersama adik-adik mereka yang berada di sekolah sesi petang,' kata Cik Fuziah.

Menyusuli dapatan tersebut, beliau berbincang dengan pihak kementerian dan melakar rancangan menubuhkan pusat jagaan pelajar di sekolahnya.

Sejak dibuka, seramai 80 murid menggunakan kemudahan tersebut.

Mereka dikenakan bayaran \$160 sebulan.

Bagaimanapun, murid-murid daripada keluarga berpendapatan rendah boleh memanfaatkan subsidi pemerintah. Dengan adanya subsidi itu, mereka tidak perlu membuat apa-apa bayaran.

Sementara itu, penolong pengurus AMP-Mercu, Cik Halimah Mahamood, berkata pihaknya mempunyai empat kakitangan sepenuh masa di SCC Happy Haven untuk membantu murid-murid melakukan kerja rumah serta menjalankan program pengayaan.

'Kami juga bekerja rapat dengan pihak sekolah untuk memantau pencapaian akademik murid-murid itu,' kata beliau.